



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;  
BIARKAN LUNCAI  
TERJUN DENGAN  
LABU-LABUNYA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "BIARKAN LUNCAI TERJUN DENGAN LABU-LABUNYA".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَذَا الْقُرْآنِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا ﴿٥٤﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾	4
<b>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</b>  Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan dan meninggalkan segala tegahan-Nya, semoga Allah reda memandang kita dengan pandangan rahmah dan keampunan-Nya. Allahumma Amin.	5
Pada hari yang mulia ini, hayatilah khutbah yang bertajuk " <b>BIARKAN LUNCAI TERJUN DENGAN LABU-LABUNYA.</b> "  <b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</b>	6



Dunia Islam sentiasa diseludupi oleh ajaran-ajaran sesat dan bertentangan dengan akidah Islam Ahli Sunnah Wal Jamah. Ajaran-ajaran tersebut ada yang telah lama bertapak dalam kalangan umat Islam di negara ini, antara lain seperti Al Arqam atau Rufaqa', Syiah, Ahmadiyah Qadyani, Millah Abraham, ajaran Ilmu Syahadah, zikir nafas, Islam Jamaah, Hizbut Tahrir dan lain-lain. Sebahagian daripada ajaran-ajaran tersebut ada yang telah difatwakan kesesatannya oleh Majlis Agama Islam Selangor atau Majlis Agama Islam di negeri-negeri lain. Malangnya segelintir orang awam masih tegar dengan pegangan sesat mereka secara sembunyi-sembunyi atau menyamar dalam jubah dan jenama yang lain.

7

Disamping ajaran-ajaran tersebut, masih ada ajaran-ajaran sesat lain yang telah dapat dihidu oleh Penguasa agama Islam negeri-negeri. Contohnya Ajaran Kahar bin Ahmad, Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya, Aurad Ismailiah, Ajaran Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit, Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol, Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama, Pembedahan Batin dan lain-lain dalam senarai yang panjang.

8

**Hadirin sekalian,**

Selalunya ajaran-ajaran sesat ini dikembangkan dibawah nama yang muluk-muluk seperti ilmu kebatinan, tentera Imam Mahdi, Pemuda al-Kahfi, Pemuda Bani Tamim, dan lain-lain. Umat Islam boleh mengenal simptom-simptom awal ajaran yang meragukan itu. Antara ciri-ciri ajaran sesat di Malaysia yang dinilai dari sudut kesesatan akidah, syariah dan akhlak mereka adalah seperti berikut:

9



<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menokok tambah perkataan Saidina Ali sebagai Amirul Mukminin yang hak dalam kalimah syahadah.</li><li>2. Menolak kalimah syahadah.</li><li>3. Solat boleh dilakukan hanya dengan niat sahaja.</li><li>4. Sembahyang lima waktu adalah tidak wajib. Memadai dengan membuat kebaikan dan menjauhi kemungkaran.</li><li>5. Golongan yang sesat ini akan menolak untuk berpuasa.</li><li>6. Ada yang berpegang bahawa orang Islam tidak perlu mengerjakan ibadah haji ke Mekah. Ianya boleh dilakukan di mana-mana sahaja. Pergi ke Mekah hanya untuk melihat kesan sejarah Rasulullah SAW sahaja.</li></ol>	10
<ol style="list-style-type: none"><li>7. Menghina peribadi dan kedudukan Rasulullah SAW.</li><li>8. Menolak ijmak ulama dan qiyas.</li><li>9. Memahami al-Quran mengikut tafsiran sendiri.</li><li>10. Tidak mempercayai hadis dan menganggap hadis hanya rekaan manusia yang dibuat selepas Nabi SAW wafat.</li><li>11. Mendakwa ketua mereka sering berjumpa dan berkomunikasi dengan Allah, Nabi Muhammad SAW dan malaikat.</li></ol>	11
<ol style="list-style-type: none"><li>12. Menganggap orang lain selain dari pengikut kumpulan mereka adalah musyrikun dan kafirun, ahli bid'ah dan pengikut hawa nafsu.</li><li>13. Selalunya orang yang menyebarkan ajaran-ajaran sesat ini dan pengikutnya adalah terdiri dari orang yang langsung tiada asas pengetahuan agama. Sebahagian dari mereka hanyalah guru silat, bomoh, perawat-perawat yang mendakwa sebagai rawatan Islam, juru motivasi yang mengadukkan perisa Islam dalam ceramah-ceramah mereka.</li></ol>	12



<p>Apakah faktor-faktor yang mendorong pengembangan ajaran-ajaran sesat ini? Sebahagian jawapannya adalah seperti berikut:</p> <p>a) Ingin mendapat perhatian,</p> <p>Sifat ingin mendapat nama dan perhatian mendorong seseorang melakukan perbuatan yang aneh-aneh dan semberono asalkan menjadi terkenal dan dapat ramai pengikut, followers dan subscriber. Nabi SAW mengingatkan betapa bahayanya orang yang berperangai seperti itu.</p>	13
<p>Ka'ab bin Malik Radiallah'Anhu berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مَا ذُئِبَانَ جَائِعَانِ أُرْسِلَا فِي غَنَمٍ بِأَفْسَدَ لَهَا مِنْ حِرْصِ الْمَرْءِ عَلَى الْمَالِ وَالشَّرَفِ لِدِينِهِ</p>	14
<p><i>"Tiadalah dua ekor serigala lapar yang memusnahkan sekumpulan kambing itu lebih merbahaya kepada agama jika dibandingkan dengan orang yang terlalu rakus kepada harta dunia dan cinta kepada kemasyhuran."</i></p> <p><i>(Riwayat Al-tirmizi).</i></p>	15
<p>b. Mendapat tajaan dari tangan-tangan tersembunyi sama ada dari luar atau dalam.</p> <p>c. Tidak mengambil ilmu dari sumber yang sah dan berautoriti.</p>	16



Muhammad ibn Sirin Radiallahu'Anhu berkata:

إِنَّ هَذَا الْعِلْمَ دِينٌ، فَانظُرُوا عَمَّنْ تَأْخُذُونَ دِينَكُمْ

"Sesungguhnya ilmu ini adalah agama, oleh itu perhatikanlah dari siapa kamu mengambil ilmu itu".

(Riwayat Muslim).

17

d. Menghidap penyakit mental atau kecelaruan fikiran.

18

Dalam hal ini Allah SWT mengingatkan melalui firman-Nya dalam surah al-Taubah ayat 125:

وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَتْهُمْ رِجْسًا إِلَىٰ رِجْسِهِمْ وَمَاتُوا وَهُمْ

كَافِرُونَ ﴿١٢٥﴾

19

"Adapun orang yang di dalam hati mereka ada penyakit, maka (dengan surah itu) bertambah kekafiran mereka di samping kekafiran (yang telah ada) dan mereka mati dalam keadaan kafir."

20

e. Menyendiri dan tidak bergaul dengan jamaah surau, masjid dan masyarakat. Orang yang seperti ini sangat mudah terpedaya dengan anasir-anasir yang menyeleweng

21



Ingatlah pesanan Nabi SAW dalam hadis riwayat Muaz Bin Jabal, Baginda SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesungguhnya syaitan itu adalah umpama serigala kepada manusia, sama seperti serigala yang menangkap kambing yang terpisah, oleh itu jauhilah perpecahan dan kekallah bersama jamaah, orang ramai dan masjid."*

*(Riwayat Ahmad).*

22

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Atas dasar amanah dan kasih sayang Nabi kepada umat-Nya, Baginda SAW bersungguh-sungguh mengingatkan kita tentang suasana gawat yang akan berlaku di akhir zaman. Sabda Baginda SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahu'Anhu yang bermaksud:

*"Sesungguhnya akan datang kepada manusia tahun-tahun penipuan dimana para pendusta dibenarkan orang, sebaliknya orang-orang yang jujur didustakan, seterusnya orang-orang yang culas dipercayai, sedangkan orang-orang yang amanah dikhianati. Puak-puak Ruwaibidah pula berbicara (mengajar manusia). Seorang Sahabah bertanya: siapakah Ruwaibidah itu? Nabi menjawab: Ruwaibidah itu ialah orang dungu yang berlagak pandai mengenai urusan orang awam."*

*(Riwayat Ibn Majah).*

Menyahut pesanan Nabi yang dikasihi ini umat Islam wajib menjauhi ajaran-ajaran yang aneh-aneh dan mengambil sikap "Biarkan luncai terjun dengan labu-labunya, biarkan! Biarkan!".

**Hadirin sekalian,**





Menelusuri khutbah pada hari ini marilah kita mengamati tausiah dan pengajarannya untuk dijadikan pedoman hidup kita, antaranya:

1. Umat Islam wajib mempelajari dan berpegang teguh kepada akidah Ahlis Sunnah wal Jamaah tanpa berganjak sedikit pun hingga ke akhir hayat.
2. Umat Islam hendaklah memilih guru-guru yang murabbi dan bertauliah dalam mempelajari ilmu-ilmu agama supaya terhindar daripada virus menyesat mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak berautoriti.
3. Umat Islam hendaklah memilih guru yang benar-benar memahami bidang yang diajarinya supaya terhindar daripada pembohongan dan pemalsuan
4. Umat Islam jangan terlalu ghairah mencari populariti demi meraih ganjaran dunia dengan menyemburkan racun kesesatan dan bertopengkan agama.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَعَامِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أَوَّلَ كَافِرٍ  
بِهِ ۗ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِنِّي فَاتَّقُونِ ﴿٤١﴾

*"Dan berimanlah kamu kepada apa yang telah Aku turunkan (al-Quran) yang membenarkan apa yang ada padamu (taurat) dan janganlah kamu menjadi orang yang pertama kafir kepadanya dan janganlah kamu menukarkan ayat-ayat-Ku dengan harga yang rendah dan hanya kepada Akulah kamu harus bertakwa."*

*(al-Baqarah : 41).*





بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	17



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	<p>18</p>
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	<p>19</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>20</p>